

Meningkatkan Kemahiran Membaca Murid Menggunakan Prosedur Membaca Disleksia

Mazlinah binti Abd Mutalib

Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Temu, Melaka
mazlinahabdmatalib1968@gmail.com

ABSTRAK

Amalan terbaik ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran membaca berdasarkan modul membaca murid disleksia dengan menggunakan pembaris tetingkap. Membaca merupakan aktiviti kompleks yang melibatkan aktiviti fizikal dan mental. Aktiviti membaca juga mempunyai kaitan dengan gerak mata dan ketajaman penglihatan. Kaedah membaca berdasarkan Prosedur Membaca Disleksia dengan menggunakan alat bantu belajar dapat membantu murid meningkatkan kemahiran membaca dan mengurangkan kesalahan membaca suku kata, perkataan dan ayat tanpa melangkau baris. Amalan ini menggunakan format laporan dan pemerhatian melibatkan 4 orang murid disleksia tingkatan 1 Sakura di SMK Padang Temu Melaka. Pelaksanaan amalan terbaik ini memberikan implikasi bahawa guru-guru boleh menggunakan Prosedur Membaca Disleksia dengan menggunakan bahan bantu mengajar sewaktu sesi pengajaran. Diharapkan amalan terbaik ini dapat membantu meningkatkan keyakinan dan motivasi murid-murid berpendidikan khas khususnya murid disleksia serta memudahkan proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dilaksanakan dengan lebih seronok.

Kata kunci : Murid Pendidikan Khas Disleksia, Masalah Membaca, Prosedur Membaca Disleksia, Alat Bantu Belajar.

Pengenalan Amalan Terbaik

Amalan terbaik ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran membaca berdasarkan modul membaca murid disleksia dan menggunakan alat bantu belajar. Masalah bacaan dalam kalangan murid disleksia adalah satu keadaan di mana murid tersebut mempunyai kesukaran membaca dengan lancar dan mengalami kesukaran dalam menyebut sesuatu perkataan dengan tepat. Murid ini juga sering melakukan kesalahan bacaan dengan membaca secara terbalik, contohnya suku kata "ba" disebut sebagai "da". Secara umumnya, individu berdisleksia mempunyai kelemahan dalam membaca, menulis dan mengira. Terdapat pelbagai pendekatan untuk membantu individu berdisleksia dalam meningkatkan kemahiran kognitif, dan juga kemahiran membaca serta menulis (Chen, 2021). Masalah ini dapat dilihat apabila murid tidak dapat menguasai pelajaran yang telah diberikan walaupun bersungguh-sungguh dalam melakukannya. Permasalahan ini berlaku kerana terdapat perbezaan cara otak individu tersebut berfungsi dalam menghubungkan simbol visual dan bunyi. Murid akan mengalami kesukaran membaca, menulis, memahami, mengeja atau

mengira (Abdul Aziz Busri, 2021). Membaca melibatkan dua faktor iaitu pemahaman dan interpretasi idea yang dilambangkan melalui penulisan. Pandangan ini memberi pengertian bahawa aktiviti membaca berlaku secara serentak dalam perlakuan manusia yang melibatkan aspek pemahaman. Bagi murid yang mengalami disleksia antara masalah yang sering dikaitkan adalah masalah penguasaan dalam kemahiran membaca ayat dan petikan.

Kemahiran membaca amat perlu dikuasai terutama dalam mata pelajaran bahasa Melayu. Bahasa Melayu bukan sahaja merupakan bahasa ibunda malahan merupakan bahasa utama yang digunakan selain daripada bahasa Inggeris. Kemahiran dalam bahasa Melayu meliputi kemahiran berkomunikasi, kemahiran lisan, kemahiran menulis dan kemahiran mendengar (Kementerian Pendidikan Malaysia 2019). Penguasaan kemahiran komunikasi pula berhubungan dengan kemahiran interaksi kemahiran mendengar, bertutur, membaca, menulis mengira dan menyelesaikan masalah dalam kehidupan seharian (Kementerian Pendidikan Malaysia 2019). Kegagalan menguasai kemahiran membaca menyebabkan murid yang mengalami disleksia sukar membaca dengan betul dan lancar, seterusnya menjejaskan pencapaian mereka dalam bahasa Melayu (Mazlinah 2016).

Justifikasi Pelaksanaan Amalan Terbaik

Berdasarkan pemerhatian guru terhadap masalah membaca bahasa Melayu dalam kalangan murid disleksia mendapati, murid kerap melangkau barisan dan sukar untuk membaca ayat panjang. Murid disleksia juga sukar untuk membaca petikan pemahaman terutama melibatkan lebih daripada dua perenggan. Dapatan yang diperolehi daripada misku membaca mendapati tiga daripada empat orang murid mengalami kesalahan membaca perkataan, ayat dan melangkau barisan, dan mengubah makna perkataan (Abdul Aziz 2021). Dapatan ini disokong oleh Irdamurni (2018) yang turut menyatakan murid disleksia mengalami proses kesulitan membaca, menulis atau mengeja. Pendapat ini disokong oleh Blagovesta (2015) bahawa murid yang mempunyai masalah disleksia perlu berada dalam persekitaran bahasa yang baik dan terdedah kepada aktiviti pemahaman bahan bacaan.

Guru-guru di sekolah perlu membiasakan murid kepada teknik bacaan secara *skimming* dan *scanning*. Dengan cara ini, kemahiran membaca dapat ditingkatkan kepada aspek pemahaman bahan bacaan tersebut. Penderita disleksia akan mengalami kesulitan dalam mengidentifikasi bagaimana kata-kata yang diucapkan harus diubah menjadi bentuk huruf dan perkataan, dan sebaliknya (Haifa 2020). Idea untuk menghasilkan Prosedur Membaca Disleksia dalam amalan terbaik ini adalah berdasarkan kesukaran murid dalam membaca melibatkan ayat panjang dan petikan tertentu. Berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK) Bahasa Melayu Komunikasi menunjukkan bahawa kekuatan dan kelemahan murid dapat membantu guru menentukan strategi dan kaedah pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang sesuai dengan merealisasikan penggunaan alat bantu belajar yang sesuai dengan keupayaan murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK). Sokongan dan kaedah bersesuaian secara berterusan perlu disediakan bagi memastikan pencapaian dan kemajuan murid khususnya MBPK sentiasa ditingkatkan .

Objektif Pelaksanaan

Objektif pelaksanaan amalan terbaik ini ialah:

1. Meningkatkan penguasaan murid dalam kemahiran membaca suku kata.
2. Meningkatkan penguasaan murid dalam kemahiran membaca perkataan.
3. Meningkatkan penguasaan murid dalam kemahiran membaca ayat.

Amalan Terbaik yang Dilaksanakan

Amalan Terbaik yang diperkenalkan ialah menggunakan Prosedur Membaca Disleksia (PMD) melibatkan empat langkah aktiviti membaca. Manakala penggunaan alat bantu belajar digunakan sebagai medium semasa aktiviti membaca dijalankan. Prosedur Membaca Disleksia (PMD) merupakan prosedur yang dibina oleh guru berdasarkan pengubahsuaian yang dibuat mengikut Model Pemulihan Disleksia Ronald D. Davis (2010). Prosedur membaca disleksia ini dibina berdasarkan kajian guru melalui misku membaca murid yang mengalami disleksia. Antara kajian mengenai misku membaca telah dilakukan oleh Goodman dan Burke (2005), Pollock (2005), Paulson (2007) Karima (2007), Tamam et al. (2011) Khairuddin (2013) dan Haifa (2020). Kekerapan kesalahan ketika membaca dalam kalangan murid disleksia lebih tertumpu kepada menggantikan huruf dan perkataan, meninggalkan huruf, suku kata, imbuhan dan perkataan, membuat ulangan suku kata, imbuhan, perkataan, kerap mengeja, diam (tidak membaca), menukarkan perkataan yang dibaca serta melangkau barisan (Mazlinah 2016). Kajian yang dilakukan oleh Neale M.D (2007), mendapati terdapat tiga kategori kesalahan membaca berdasarkan Analisis NARA melibatkan kategori boleh berdikari (kesalahan kurang daripada empat), kategori perlukan arahan (5-9 kesalahan) dan kategori sukar membaca (melebihi 10 perkataan). Bagi tujuan tersebut satu Prosedur Membaca Disleksia telah dibina untuk membantu murid disleksia lebih fokus dan melatih mereka berfikir secara holistik melalui kepelbagaian kaedah pengajaran di kelas.

Jadual 1
Kategori dan kesalahan murid membaca berdasarkan Analisis NARA




Kategori	Kesalahan	Catatan
Kategori Boleh Berdikari (Tiada masalah membaca)	0-4 kesalahan (> 95% membaca betul)	Murid boleh membaca tanpa bantuan
Kategori perlukan arahan	5-9 kesalahan (90% membaca betul)	Murid masih boleh membaca tetapi dengan bantuan
Kategori sukar membaca	Melebihi 10 kesalahan (<90% membaca betul)	Murid memerlukan bantuan pembaca

Sumber: Neale M.D 2007


Pelaksanaan Prosedur Membaca Disleksia

Langkah 1: Prosedur Oreintasi bahan, alatan dan persekitaran

Bil	Alatan	Aktiviti	Catatan Menguasai/Tidak Menguasai
1.	 Bola. Bola baru	1. Memperkenalkan bola dan ejaan bola 2. Membaca suku kata bo+la = bola 3. Membaca berulang-ulang. 4. Menggunakan kad suku kata bagi mengukuhkan ingatan	
2.	 Gigi. Gigi susu	1. Memperkenalkan buku dan ejaan gigi 2. Membaca suku kata gi+gi = gigi 3. Membaca berulang-ulang. 4. Menggunakan kad suku kata bagi mengukuhkan ingatan.	
3.	 Sate. Sate Suri	1. Memperkenalkan bola dan ejaan sate 2. Membaca suku kata sa+te = sate 2. Membaca berulang-ulang Menggunakan kad suku kata bagi mengukuhkan ingatan	
4.	 Yoyo. Yoyo laju	1. Memperkenalkan yoyo dan ejaan yoyo 2. Membaca suku kata yo+yo = yoyo 3. Membaca berulang-ulang. 4. Menggunakan kad suku kata bagi mengukuhkan ingatan	
5.		1. Memperkenalkan buku dan ejaan buku 2. Membaca suku kata bu+ku = buku	

	 Buku. Buku biru	3. Membaca berulang-ulang. 4. Menggunakan kad suku kata bagi mengukuhkan ingatan	
6.	 Dadu. Dadu saya.	1. Memperkenalkan bola dan ejaan bola 2. Membaca suku kata da+du = dadu 4. Membaca berulang-ulang. 4. Menggunakan kad suku kata bagi mengukuhkan ingatan.	
7.	 Paku. Paku batu.	1. Memperkenalkan bola dan ejaan bola 2. Membaca suku kata pa+ku = paku 2. Membaca berulang-ulang. 4. Menggunakan kad suku kata bagi mengukuhkan ingatan.	

Langkah 2: Prosedur Penguasaan Simbol (Fitur Huruf)



Bil	Alatan/bahan	Aktiviti	Catatan: Menguasai /Tidak Menguasai
1.	Memperkenalkan plastisin 	1. Mengenali doh dan melihat perbezaan warna. 2. Menyebut warna yang dilihat.	

<p>2.</p>	<p>Menguli plastisin/doh</p>  <p>1. Kneading orange clay. 2. Rolling the clay into a thin sheet. 3. Cutting the clay into strips. 4. Shaping the strips into the letters 'b' and 'k'.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menguli doh untuk membentuk fitur huruf. Fokus kepada huruf-huruf vokal 'a', 'i', 'e', 'o' dan huruf 'u'. 2. Menguli dan membentuk huruf konsonan vokal [kv]. 3. Menguli dan membentuk dua suku kata bermakna contoh: [bu +ku = buku] 4. Boleh buat aktiviti dengan suku kata berbeza. 5. Setelah menghasilkan dua suku kata, guru membaca perkataan diikuti urid.(bacaan mekanis) 6. Murid boleh meniru fitur huruf yang dihasilkan menggunakan tangan. 	
<p>3.</p>	<p>Doh suku kata</p>  <p>1. A blue book icon. 2. 'bu' (yellow) + 'ku' (red) made of clay. 3. 'buku' (yellow and red) made of clay.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengambil buku , tunjuk dan sebut /buku/ 2. Guru membaca suku kata murid mengikut. 3. Bacaan lambat 4. Alihkan buku , guna doh huruf untuk membaca 5. Aktiviti di buat berulang kali. 	
<p>4.</p>	<p>Kad Suku kata</p>  <p>1. Two white cards with 'bu' and 'ku' written on them. A finger points to the 'u' in 'ku'.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Ulang aktiviti dengan menggunakan kad suku kata 2. Ambil buku , tunjuk dan sebut /buku/ 3. Guru membaca suku kata murid ikut. 4. Bacaan lambat 5. Alihkan buku, guna kad suku kata untuk membaca 	

		6. Aktiviti di buat berulang kali.	
5.	Latih tubi bacaan	* Boleh gunakan langkah di pertama hingga keempat untuk memperkenalkan suku kata yang baharu contoh : a) Bola b) Gigi c) Yoyo d) Paku e) Dadu	

Langkah 3: Prosedur Latihan Membaca

Bil	Perkara/ Keterangan	Aktiviti	Catatan: Tahap Penguasaan (TP): 1,2,3
1.	Latihan Pernafasan (memek muka)	1. Guru buat murid ikut 2. Dimulakan dengan huruf vokal /a/, /i/, /u/, /e/, /e / dan /o/. 3. Latihan sebutan dan memek muka i- /aaaaaaaa.../ (10x) ii- /i i i i i i i i i / (10x) iii- /u u u u u u u u u / (10x) iv- /e` e` e` e` e` e` e` e` e` e` / (10x) v- /e e e e e e e e e / 10x vi- /o o o o o o o o o o / 10x 4. Boleh di buat berulang kali.	

<p>2.</p>	<p>Cerakin Huruf</p>  <p>buku baca buku Abu baca buku Abu baca buku baru Abu baca buku biru baru (15 patah perkataan)</p> <p><i>lu/lu/</i> <i>la/la/ lu/lu/</i> <i>la/lu/ la/la/ lu/lu/</i> <i>la/lu/ la/la/ lu/lu/ la/lu/</i> <i>la/lu/ la/la/ lu/lu/ li/lu/</i> <i>la/lu/</i></p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Guru membaca dahulu keseluruhan petikan. 2. Guru membaca mengikut vokal pada perkataan sebaris demi sebaris. 3. Murid mengikut guru membaca satu persatu. 4. Guru membaca sebaris, murid ikut. 5. Proses membaca di buat sehingga selesai. 	
<p>3.</p>	<p>Cerakin Huruf</p>  <p>bola Abu ada bola Abu ada bola baru Abu ada bola satu Abu beli bola baru satu (17 patah perkataan)</p> <p><i>lolla/</i> <i>la/lu/ la/la/ lolla/</i> <i>la/lu/ la/la/ lolla/ la/lu/</i> <i>la/lu/ la/la/ lolla/ la/lu/</i> <i>la/lu/ le/li/ lolla/ la/lu/ la/lu/</i></p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Guru membaca keseluruhan petikan. 2. Guru membaca mengikut vokal huruf pada perkataan sebaris demi sebaris. 3. Murid mengikut guru membaca satu-satu. 4. Guru membaca sebaris, murid mengikut guru membaca. 6. Proses membaca di buat sehingga selesai 	

<p>4.</p>	 <p>paku Abu ada paku Abu beli paku batu Abu beli paku kayu Abu beli paku batu dan paku kayu (19 patah perkataan)</p> <p><i>/o//a/</i> <i>/a//u/ lalla/ lallu/</i> <i>/a//u/ lelli/ lallu/ lallu/</i> <i>/a//u/ lelli/ lallu/ lallu/</i> <i>/a//u/ lelli/ lallu/ lallu/ la/</i> <i>/a//u/ lallu/</i></p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Guru membaca keseluruhan petikan. 2. Guru membaca mengikut vokal huruf pada perkataan sebaris demi sebaris. 3. Murid mengikut guru membaca satu-satu. 4. Guru membaca sebaris, murid mengikut guru membaca. 5. Proses membaca di buat sehingga selesai 	
<p>5.</p>	 <p>roti ini roti ini roti kaya Abu beli roti Abu beli roti kaya Abu sapu roti kaya Abu sapu roti kaya guna sudu (23 patah perkataan)</p> <p><i>/o//i/</i> <i>/i//i/ lollu/</i> <i>/i//i/ lollu/ lalla/</i> <i>/a//u/ lelli/ lollu/</i> <i>/a//u/ lelli/ lollu/ lalla/</i> <i>/a//u/ lallu/ lollu/ lalla/</i> <i>/a//u/ lallu/ lollu/ lalla/</i> <i>/ulla/ lullu/</i></p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Guru membaca keseluruhan petikan. 2. Guru membaca mengikut vokal huruf pada perkataan sebaris demi sebaris. 3. Murid mengikut guru membaca satu-satu. 4. Guru membaca sebaris, murid mengikut guru membaca. 5. Proses membaca di buat sehingga selesai. 	

Langkah 4: Membaca Seiring Pergerakan Mata

Bil	Perkara/Keterangan	Aktiviti	Catatan: Tahap Penguasaan (TP): 1,2,3
1.	<p>Membaca menggunakan medium 'Pembaris Tetingkap'</p> 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Guru membaca keseluruhan petikan. 2. Guru membaca sebaris, murid mengikut guru membaca menggunakan 'Pembaris Tetingkap'. 3. Membaca mengikut baris pertama dari kiri ke kanan diikuti baris kedua sehingga selesai) 4. Dimulakan pada bacaan 1 sehingga bacaan 4. 	
2.	<p>Bacaan 1</p> <p>buku baca buku Abu baca buku Abu baca buku baru Abu baca buku biru baru</p>		
3.	<p>Bacaan 2</p> <p>bola Abu ada bola Abu ada bola baru Abu ada bola satu Abu beli bola baru satu</p>		
4.	<p>Bacaan 3</p> <p>paku Abu ada paku Abu beli paku batu Abu beli paku kayu Abu beli paku batu dan paku kayu</p>		

5.	Bacaan 4 roti ini roti ini roti kaya Abu beli roti Abu beli roti kaya Abu sapu roti kaya Abu sapu roti kaya guna sudu		
----	---	--	--

Keberkesanan Amalan Terbaik yang Dilaksanakan

-Analisis Pemerhatian

Berdasarkan kepada pemerhatian yang telah dibuat mendapati minat murid disleksia untuk belajar membaca sangat baik. Suasana pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah menunjukkan perubahan yang positif. Perubahan ketara dalam keputusan ujian yang telah dilaksanakan. Sebelum amalan ini dilakukan didapati majoriti semua murid kurang berminat untuk membaca ayat dan petikan. Teknik tradisional kurang menarik minat murid untuk membaca. Murid mudah bosan dan tidak seronok untuk meneruskan aktiviti membaca. Mereka lebih gemar untuk melihat gambar-gambar berwarna daripada membaca perkataan yang tertera di buku teks. Penggunaan Prosedur Membaca memberikan satu kesan positif kepada murid disleksia. Bimbingan guru yang berterusan serta kaedah penggunaan alat bantu belajar murid yang pelbagai memberikan motivasi kepada murid disleksia. Prosedur Membaca Disleksia ini juga melibatkan penggunaan pancaindera dan kesedaran pengamatan dalam sesi pembelajaran. Ini menjadikan aktiviti membaca semakin seronok. Kaedah belajar melalui bermain ayat juga dikenalpasti dapat memberikan impak positif dalam meningkatkan kemahiran membaca dalam kalangan murid disleksia.

- Analisis Ujian

Keputusan peningkatan dalam ujian membaca ditunjukkan pada Jadual 2.

Jadual 2
Keputusan Ujian Membaca Murid Disleksia

Bil.	Murid	Jantina	Ujian Diagnostik 1	Ujian Diagnostik 2	Catatan dan Tahap Penguasaan (TP)
1.	Murid A	Lelaki	14%	56%	2
2.	Murid B	Perempuan	18%	42%	2
3.	Murid C	Perempuan	17%	56%	2
4.	Murid D	Perempuan	04%	18%	1

Rumusan dan Cadangan

Kesimpulannya, setelah berjaya menjalankan amalan terbaik mengikut Prosedur Membaca Disleksia ini ia dapat membantu membina kemahiran membaca suku kata, perkataan dan ayat. Peningkatan keputusan ujian menunjukkan perubahan positif murid sejajar dengan sasaran objektif. Penggunaan alat bantu belajar yang pelbagai dapat membantu murid disleksia lebih fokus namun ia perlu ditambah baik dari semasa ke semasa dan diperluaskan penggunaannya kepada kategori lain. Dapatan kajian ini memberi implikasi bahawa murid-murid yang mengalami disleksia dicadangkan membuat latihan mengingat dan mengenal lambang-lambang tulisan, menterjemahkannya kepada bentuk bunyi yang dilambangkan dan mendapatkan makna bagi bentuk-bentuk tulisan tersebut secara berulang-ulang kali (Mazlinah 2016). Keadaan ini memberi impak terhadap kelancaran proses membaca. Mengenal pasti kaedah membaca yang sesuai serta kepelbagaian strategi menjadikan seorang guru tersebut lebih berfokus dalam proses pengajaran (Abdul Aziz Busri et.al, 2021). Penekanan terhadap makna yang terkandung dalam petikan atau teks. Menggunakan kepelbagaian kemudahan sedia ada di sekolah membolehkan murid disleksia berinteraksi sendiri dengan bahan bacaan. Hal ini adalah sebagai satu alternatif untuk mewujudkan satu strategi berpusatkan murid yang berterusan dalam kalangan murid selaras dengan tuntutan pembelajaran abad ke-21 jika perkara ini dapat dilakukan di dalam bilik darjah, masalah membaca yang berlaku serta miskiu membaca dapat dikurangkan.

Rujukan

- Abdul Aziz Busri, Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2021). Strategi Pengajaran Guru Bahasa Melayu Dalam Menangani Masalah Bacaan Dalam Kalangan Murid Disleksia di Sekolah Rendah Pedalaman Sarawak. *Jurnal Dunia Pendidikan UKM*.Vol3.No.1:618-627
- Blagovesta, T. (2016). Helping learners with dyslexia read in English. *English Studies at NBU*, 2015 Vol. 1, Issue 1, 63-71
- Chen, H. M (2021). Keberkesanan Rawatan Nyanyian Terhadap Kemahiran Membaca dan Menulis : Kajian Kes Kanak-kanak Berdesleksia. Tesis Sarjana. Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif. Universiti Malaysia Sarawak.
- Davis, R. D, with Eldon B. (2010). *The Gift of Dyslexia: Why Some of the Smartest People Can't Read and How They Can Learn*.
- Goodman, Y., & Burke, C. (2005). *Reading miscue inventory: From evaluation to instruction* 2nd ed. New York : Richard C. Owen Publisher, Inc.
- Haifa, Nisrina, Ahmad Mulyadiprana & Resa Respati. (2020). Pengenalan Ciri Anak Pengidap Disleksia. *Jurnal Ilmiah Pendidikan Guru Sekolah Dasar* 7(2), 21–32.
- Irdamurni1, Kasiyati, Zulmiyetri & Johandri. (2018). Meningkatkan kemampuan guru pada pembelajaran membaca anak disleksia 4. *Jurnal Pendidikan*

Kebutuhan Khusus 2(2):2598-2508

- Karima, M. Almazroui. (2007). Learning together though retrospective miscue analysis : Salem's case study. *Education Journals* 44(3): 153-168.
- Kementerian Pelajaran Malaysia.(2019). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas Bahasa Melayu Komunikasi Tingkatan 1*.Kuala Lumpur : Jabatan Pendidikan Khas.
- Khairuddin Mohamad, Maridah Alias & Faizah Shamsuddin. (2013). *Bahasa Melayu Pemulihan : Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian*. Selangor: Multimedia Sdn.Bhd.
- Mazlinah Abd Mutalib. (2016). Masalah Membaca Murid Yang Mengalami Disleksia.Tesis Sarjana. . Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Polock, J., Waller. E & Polit, R. (2005). *Day to day dyslexia in the classroom*. 2nd ed.London: Routledge Falmer Taylor & Francis Group.
- Singleton, C. & Vincent, D. 2004. Assessing literacy: current challenges and issues. *Journal of Research in Reading* 27(2): 113-117
- Sharifah Nawirah Syed Hassan. (2016). Model Pemulihan Disleksia Davis dalam Pembelajaran Kanak-kanak Disleksia. *Journal of Educations and Social Sciences*. Vol.4,(June):151-155.